


BAB 4 : FIRMA SEBAGAI PENGELUAR

SPM2005/A/S3

(a) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran Firma A.



Huraikan lima faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran S_0S_0 ke S_1S_1 . [10 markah]

SPM2005/A/S4

(a) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti ditawarkan bagi tiga jenis barang X, Y, dan Z.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Ditawar
X	12	3
Y	8	32
Z	20	20

Jadual 1

(i) Berapakah keanjalan harga penawaran bagi barang X, Y, dan Z? [3 markah]


Gunakan rumus :

$$\text{Keanjalan Harga Penawaran} = \frac{\text{Peratus Perubahan Kuantiti Ditawar}}{\text{Peratus Perubahan Harga}}$$


(ii) Tafsirkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang X, Y, dan Z. [6 markah]

SPM2006/A/S2

(c) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua jenis input dalam pengeluaran jangka pendek.



Gambar rajah 1



Gambar rajah 2

Berikan tiga perbezaan antara kedua-dua input tersebut. [6 markah]

(d) Jadual 2 menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos sut.

Jumlah Keluaran	Jumlah Kos (RM)	Kos Sut (RM)
0	110	-
1	144	34
2	X	26
3	202	32
4	242	Y
5	300	58

Jadual 2

- (i) Berapakah nilai X dan nilai Y? [2 markah]
- (ii) Jelaskan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos sut. [3 markah]

SPM2007/A/S3

(c) Jadual 2 menunjukkan butiran perbelanjaan Firma X yang mengeluarkan 200 000 unit syampu dalam masa enam bulan.

Butiran	RM
Bahan mentah	15 000.00
Gaji pekerja	45 000.00
Sewa kilang	12 000.00
Air dan elektrik	4 800.00
Insurans kilang	3 200.00

Jadual 2

Hitungkan :

- (i) Kos tetap [2 markah]
 (ii) Kos berubah [2markah]
 (iii) Kos purata bagi firma tersebut [2 markah]

SPM2008/A/S3

(b) Jadual 1 menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Bilangan Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	22	11	12
3	36	12	14
4	49	12.25	13
5	54	10.80	5
6	58	9.67	4
7	58	8.28	0
8	54	6.75	-4

Jadual 1

Jelaskan hubungan antara buruh dengan keluaran purata dan keluaran sut. [8 markah]